

Kurikulum Pendidikan Awal: Ke Arah Pendidikan Holistik

Fatimah Saleh
Khadijah Zon
Zurida Ismail
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

Benarkah kanak-kanak lahir seperti kain putih yang bersih dan ibu bapalah yang mencoraknya? Betulkah kanak-kanak diibaratkan rebung yang mudah dilentur dan orang dewasalah yang melentur dan melaksanakan tanggung jawab mengikut citarasa dan hemah masing-masing? Perkara ini selalu diperkata dan kadang kala dipertikaikan. Kanak-kanak merupakan kurniaan Allah dengan fitrahnya yang sentiasa bersedia dan berpotensi menerima apa saja, sama ada baik atau sebaliknya. Justeru itu, adalah penting bagi para perancang yang membentuk kurikulum pendidikan awal atau pendidikan pra-sekolah memikirkan sesuatu yang paling sesuai untuk sasarannya. Usaha ini pula bergantung kepada tujuan dan matlamat akhir pendidikan yang ingin dipupuk di kalangan kanak-kanak. Melalui pendidikan, generasi muda dapat dibentuk untuk menjadi manusia sempurna (insan kamil) yang berjaya di dunia dan juga di akhirat.

Pendahuluan

Di dalam artikel ini kami ingin membincangkan konsep pendidikan awal, kepentingan pendidikan awal seperti yang diperkatakan oleh beberapa orang sarjana Islam dan Barat, kurikulum pendidikan awal dan perlaksanaannya di Malaysia. Akhir sekali akan dibentangkan cadangan pembentukan kurikulum pendidikan awal (prasekolah) melalui satu pendekatan holistik.

Konsep Pendidikan Awal

Pendidikan secara ringkas bermakna merobah dan memindahkan nilai kebudayaan masyarakat kepada setiap individu dalam masyarakat tersebut. Dari sini dapat kita mengerti bahawa pendidikan boleh didapati melalui berbagai proses, tetapi pada dasarnya berlandaskan proses pemindahan nilai sesuatu masyarakat kepada setiap individu di dalamnya (Hasan Langgulung, 1979:3). Proses pemindahan nilai budaya ini melibatkan pengajaran, latihan dan indoktrinasi.

Dalam tamaddun Barat, pendidikan awal bermaksud pendidikan peringkat prasekolah. Pada mulanya peringkat ini hanya meliputi kanak-kanak dari umur tiga tahun hingga enam

tahun, yang lebih dikenali dengan peringkat "kindergarten". Selepas beberapa kajian, konsep pendidikan awal ini dipinda supaya meliputi kanak-kanak di peringkat selepas lahir hingga ke peringkat enam tahun. Peringkat selepas lahir hingga ke peringkat tiga tahun dikenali juga sebagai peringkat "nursery".

Menurut perspektif Islam, pendidikan awal bermula dari masa anak masih berada dalam kandungan ibu sehingga kanak-kanak berumur enam tahun. Secara umum pendidikan awal Islam boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu peringkat sebelum lahir dan peringkat sesudah lahir. Peringkat sesudah lahir juga dibahagikan kepada dua tahap, iaitu dari mula dilahirkan hingga tiga tahun dan tahap seterusnya dari umur tiga tahun hingga meningkat ke enam tahun.

Kepentingan Pendidikan Awal

Dalam memperkatakan pendidikan awal daripada perspektif Islam, Al-Ghazali berpendapat

"Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab orang tuanya, jiwanya yang suci murni merupakan permata mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran, dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya."

(Al-Ghazali, 1296H. dalam Hasan Langgulung, 1979).

Rousseau, seorang ahli falsafah Perancis yang ideanya sendiri banyak dipengaruhi oleh pemikir-pemikir Islam berpendapat, **masa kanak-kanak** di kalangan manusia adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan makhluk lain seperti haiwan. Ini adalah sebab **masa kanak-kanak** itu berfaedah bagi umat manusia, tidak ada makhluk lain di dunia ini yang lebih lemah dan bergantung kepada alam sekitarnya lebih daripada kanak-kanak manusia. Rousseau selanjutnya menjelaskan bagaimana kanak-kanak memerlukan perlindungan. Ini boleh dilakukan dengan menyediakan persekitaran yang sihat dan dapat mengembangkan potensi yang ada pada kanak-kanak tersebut. Pendedahan kepada persekitaran yang sesuai akan mengajar mereka menjalani hidup dengan sempurna. Kanak-kanak tidak harus ditinggalkan sendirian dan dipengaruhi oleh gejala-gejala negatif yang membawa kepada kejahatan dan kejihilan (Hasan Langgulung, 1979:16). Selanjutnya Rousseau menjelaskan:

Pentingnya masa kanak-kanak di mana peribadi kanak-kanak terbentuk yang pengaruhnya besar sekali pada kehidupan selanjutnya, yakni masa dewasa dan masa tua, hal-hal pertamalah yang patut dipelihara, sebab kanak-kanak pada asalnya diciptakan siap untuk menerima baik atau buruk. Hanya orang tuayalah yang mencenderungkan kepada salah satu di antaranya"

(Rousseau, 1762. dalam Hasan Langgulung, 1979).

Pendapat ini hampir serupa dengan maksud sebuah hadis yang bermaksud bahawa kanak-kanak dilahirkan dengan fitrah (suci), hanyalah orang tuanya yang menjadikannya Majusi, atau Yahudi atau Nasrani (Ash-Shiddieqy, 1969).

Selain daripada kedudukan anak sebagai amanah Allah kepada ibu bapa, anak juga merupakan cubaan atau ujian kepada mereka. Allah menguji sama ada ibu bapa dapat melaksanakan amanah ini. Sekiranya amanah ini terlaksana ibubapa memperolehi ganjaran seperti ibadah. Firman Allah yang bermaksud:

Dan ketahuilah, bahawa harta bendamu dan anak-anakmu itu adalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar.

(Surah al-Anfal:28).

Terdapat juga hadith yang bermaksud;

Apabila anak Adam meninggal dunia, putuslah semua amalnya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang manfaat dan anak yang soleh yang mendoakannya.

(Riwayat Muslim)

Jelaslah bahawa pendidikan peringkat awal sangat dititik beratkan oleh filosofi Islam dan Barat. Mereka sependingat bahawa pendidikan kanak-kanak harus mendapat perhatian sepenuhnya kerana kanak-kanak mempunyai waktu tertentu yang sangat singkat dan perlu mendapat perhatian serius. Waktu ini disebut sebagai **waktu kritikal**. Perkembangan intelek, emosi, dan jasmani kanak-kanak bergantung kepada sempurna atau tidaknya asuhan yang diperolehinya terutama sekali dalam waktu kritis. Kepentingan pendidikan awal juga ditekankan dalam beberapa teori pendidikan Barat. Contohnya Maria Montessori (1965:xvi) berpendapat, adalah sangat penting kanak-kanak diberi pendidikan seawal mungkin kerana sebelum berumur enam tahun kanak-kanak menempuh waktu perkembangan yang paling sensitif. Beliau menyebut waktu ini sebagai **waktu sensitif**, yang merupakan masa asas kepada interaksi yang berguna dan bermanfaat kepada kehidupan kanak-kanak. Burton I. White, seorang pakar penyelidik kanak-kanak di Universiti Harvard berpendapat:

Berdasarkan pengalaman bertahun-tahun lamanya dalam penyelidikan, saya cukup yakin bahawa perkara utama bagi membantu setiap kanak-kanak mencapai keupayaan maksimanya ialah menunaikan tugas menstrukturkan pengalaman dan aktivitinya secara paling baik dalam tiga tahun pertamanya.

(Rosnani Hashim, 1988:15)

Beberapa orang ahli psikologi dan sarjana Barat yang lain juga percaya pentingnya perkembangan kanak-kanak di peringkat umur dari lahir sehingga enam tahun. Satu kajian oleh seorang ahli psikologi, Stephanie Ormsbee (1986) yang telah mencuba sendiri apa yang dikatakan sebagai 'in-utero stimulation' (Muharyani Othman, 1986). Semasa kandungannya berumur tiga bulan, setiap malam Ormsbee memainkan lagu Kufner Op.49.

dan menekapkan 'headphone' ke perutnya. Beliau mendapati kandungannya bergerak mengikut tempo lagu itu. Setelah bayinya berumur seminggu, Ormsbee mendapati lagu yang sama dapat mengawal tangisan anaknya selepas beberapa percubaan cara lain tidak berjaya. Apabila anaknya berumur enam bulan Ormsbee menguji lagi dengan memainkan beberapa lagu termasuk lagu Kufner Op. 49. Beliau mendapati anaknya gemar mendengar lagu Kufner Op. 49 dan tidak memberi perhatian kepada lagu-lagu lain yang dimainkan.

Ormsbee juga merujuk kepada kes lain yang dijalankan oleh seorang wanita Jepun. Wanita ini bercakap, membaca dan memainkan muzik kepada anaknya yang masih di dalam kandungan. Wanita itu kemudiannya mempunyai beberapa orang anak yang sangat pintar. Fenomena ini menunjukkan bahawa emosi, amalan dan suasana yang dialami oleh ibu yang sedang mengandung dapat mempengaruhi pertumbuhan awal personaliti anak dalam kandungan. Sebaliknya, adalah dipercayai bahawa sekiranya ibu yang mengandung melalui masa yang dipenuhi dengan tekanan jiwa dan kerunsingan, maka anak yang bakal dilahirkan nanti menjadi cerewet dan 'temperamental'.

Kepentingan pendidikan semasa dalam kandungan, terutama persediaan suasana dan peribadi keluarga, yakni ibu dan ayah, memang telah lama diakui dalam Islam. Dapatkan kajian seperti yang baru disebutkan tadi menambah lagi kepada bukti-bukti yang sedia ada. Penekanan terhadap pendidikan peringkat dalam kandungan diperkatakan juga dalam perjumpaan ahli-ahli UNESCO yang membincangkan tema "New forms of pre-school education" (UNESCO, 1983).

Pendidikan kepada anak-anak perlu diberi seberapa awal yang boleh, seperti kata Ibnu 'I-Jauzi dalam bukunya, **Pengobatan Jiwa**:

Pembentukan yang utama ialah di waktu kecil, maka apabila seorang anak dibiarkan melakukan sesuatu (yang kurang baik), dan kemudian telah menjadi kebiasaannya, maka akan sukarlah meluruskannya.

(Al-Abrasyi, 1970:106)

Petikan di atas bermaksud bahawa pendidikan budi pekerti (moral) wajib dimulai di rumah, dalam keluarga. Kanak-kanak harus dididik sejak kecil lagi supaya ia tidak terbiasa dengan perbuatan yang tidak baik. Sekiranya dibiarkan sahaja tanpa kawalan dan bimbingan, anak-anak akan melakukan kebiasaan yang tidak baik. Sekiranya sudah berlaku demikian maka agak sukar untuk memulihkan dan memaksa anak-anak meninggalkan kebiasaan tersebut.

Sabda Rasullallah s.a.w. yang bermaksud,

Muliakanlah anak-anak kamu dengan memperbaiki sopan santunnya.

(riwayat Ibnu Abbas)

Tiada pemberian yang lebih utama, yang diberikan seorang ayah kepada anaknya daripada akhlak yang baik.

(riwayat At-Termidzi)

Persoalannya sekarang adakah ibu bapa yang dipertanggung jawabkan supaya mendidik anak-anak berupaya melaksanakan tugas tersebut dengan sempurna? Adakah ibu bapa mempunyai kebolehan, pengetahuan dan keupayaan dari segi masa dan tenaga untuk menangani segala bentuk masalah dan fenomena yang muncul dalam sistem sosio-ekonomi masyarakat sekarang? Ibu bapa sebagai orang yang bertanggung jawab mendidik dan memimpin anak-anak mungkin menghadapi masalah dalam melaksanakan peranan mereka dengan sempurna kerana terdesak oleh hambatan hidup, contohnya ibu juga terpaksa bekerja di luar rumah.

Fenomena yang disebutkan di atas menyebabkan ibu bapa terpaksa mencari pengganti untuk melaksanakan tugas dan peranan yang sepatutnya mereka laksanakan sendiri. Dalam dekad 70an dan 80an peranan ibu bapa digantikan oleh pengasuh yang tinggal serumah bersama-sama keluarga. Dalam tahun-tahun mutakhir ini, tempat-tempat seperti taman asuhan (hadhanah) dan tadika menjadi tumpuan dan harapan ibu bapa agar dapat mengambil alih tanggung jawab mereka sama ada secara sepenuhnya atau sebagai menampung waktu ketiadaan mereka bersama anak-anak.

Jadi, untuk menyempurnakan tugas ibu bapa dengan sebaiknya, taman-taman asuhan perlulah diberi pengisian yang lengkap. Pengisian yang dimaksudkan ialah **kurikulum** yang bertujuan untuk melatih dan mendidik dalam semua aspek pendidikan seperti pendidikan moral, rohani, jasmani dan juga mental.

Kurikulum Pendidikan Awal

Dalam memperkatakan tentang pengertian "kurikulum" pendidikan Islam, Al-Toumy Al-Syaibany (1979:478) merujuk kepada kamus bahasa Arab, dan mendapati kata-kata **manhaj** paling sesuai untuk kurikulum. Istilah ini bermaksud jalan yang terang, yang dilalui oleh pendidik dengan orang-orang yang dididik atau dilatihnya untuk mengembangkan pengetahuan, kemahiran, dan sikap anak didiknya. Konsep kurikulum mengikut definisi ini meliputi semua pengalaman, aktiviti, suasana dan pengaruh yang diberikan kepada kanak-kanak sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Semua faktor itu mempengaruhi tingkah laku mereka dan memberi sumbangan dalam perkembangan yang menyeluruh serta lengkap melengkapi. Jadi, kurikulum bukan sahaja meliputi mata pelajaran dan pengalaman terancang yang berlaku dalam kelas, tetapi meliputi juga semua kegiatan kebudayaan, kesenian, permainan dan interaksi sosial yang dilakukan oleh kanak-kanak di dalam dan di luar kelas, dalam dan di bawah kelolaan sekolah (Al-Toumy Al-Syaibany, 1979:483-484).

Mengikut Gordon & Brown (1989:310), selain daripada mata pelajaran yang diajar di sekolah, kurikulum boleh juga ditakrifkan sebagai semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah. Di peringkat prasekolah kurikulum merangkumi permainan dan aktiviti-aktiviti di luar dan di dalam bilik darjah,

merangkumi segala yang berlaku sepanjang hari di sekolah. Kurikulum pendidikan awal, adalah sesuatu yang dirancang dan tidak dirancang (hidden curriculum). Katanya lagi:

"Young children are like sponges; they absorb everything going on about them. Since they are young, the world is new and fresh. Therefore children do not discriminate between what is prepared and structured for them to learn and whatever else happens to them at school. It is all learning."

Daripada apa yang diperkatakan di atas mengenai kurikulum, jelaslah bahawa kurikulum pendidikan awal adalah pengalaman pembelajaran yang dibekalkan kepada kanak-kanak. Pengalaman pembelajaran ini mestilah berbentuk pendedahan asas dengan mempertimbangkan aspek kemampuan, keupayaan, kebolehan dan kesediaan kanak-kanak. Kurikulum pendidikan awal bukanlah dibentuk khusus untuk mendidik kanak-kanak supaya pandai membaca, menulis dan mengira. Lebih mustahak lagi kurikulum pendidikan awal perlulah dibentuk untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan diri ke arah perkembangan yang menyeluruh dan seimbang. Atas hakikat inilah unsur-unsur yang positif perlu dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan awal untuk mencapai matlamat pembinaan insan kamil.

Kurikulum Pendidikan Awal di Malaysia

Kurikulum pendidikan awal di Malaysia sekarang pada umumnya lebih memberi penekanan kepada aspek menyediakan kanak-kanak memasuki persekolahan formal. Kurikulum pendidikan awal yang mendapat perhatian dan dibincangkan sehingga ke peringkat Kementerian ialah kurikulum peringkat Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) yang menampung pendidikan kanak-kanak di antara umur empat tahun hingga enam tahun. Kurikulum pendidikan awal untuk kanak-kanak peringkat lebih muda masih belum mendapat perhatian sewajarnya.

Satu fenomena yang paling ketara mengenai pendidikan peringkat TADIKA ini ialah terdapatnya berbagai agensi yang terlibat di dalam mengendalikannya. Sehingga kini terdapat kira-kira 31 buah agensi kerajaan, separa kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bebas yang menganjurkan pusat pendidikan prasekolah (Kementerian Pendidikan, 1984). Setiap agensi penganjur mengendalikan pusat-pusat prasekolah secara berasingan tanpa sebarang kawalan daripada pihak yang berwajib. Kurikulum yang digunakan adalah berbeza dan dibentuk secara bebas oleh setiap agensi berkenaan untuk memenuhi kehendak dan matlamat masing-masing.

Sebagai satu usaha untuk menyelesaikan masalah ini, dalam tahun 1984, Kementerian Pendidikan telah menghasilkan sebuah "Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Malaysia". Sebanyak lapan garis panduan untuk pendidikan prasekolah telah dibentuk dan garis panduan ini telah diperkemaskan lagi pada tahun 1986. Ini merupakan garis panduan untuk satu program tidak formal bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun. Garis panduan ini berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Secara ringkas garis panduan ini meliputi perkara-perkara berikut;

1. Pendidikan Ketatanegaraan

Kanak-kanak diajar menyanyi lagu-lagu kebangsaan dan lagu-lagu patriotik, mengenali bendera-bendera, ketua-ketua negara dan negeri dan memperkenalkan kesetiakawanan dan perpaduan.

2. Pendidikan Kerohanian dan Moral

Menyemai di dalam diri kanak-kanak kepercayaan kepada Tuhan, melatih diri dalam kebersihan fizikal dan mental, berkelakuan baik dan sifat hormat.

3. Penggunaan Bahasa Malaysia

Mempelajari Bahasa Malaysia, antara lain untuk memperolehi kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia.

4. Pendidikan Agama Islam

Untuk memperolehi pengetahuan mengenai Agama Islam dan mempelajari peribadi dan akhlak baik melalui pendidikan agama.

5. Perkembangan Fizikal

Memperolehi kordinasi motor kasar dan halus dan menjaga kesihatan dan keselamatan.

6. Perkembangan Sosio-Emosi

Hubungan dengan keluarga, rakan sebaya dan alam sekeliling. Membentuk konsep diri yang positif, disiplin diri, dan menyedari tanggungjawab sosial dan moral.

7. Perkembangan Kognitif

Menyedari konsep masa dan ruang, mengetahui persekitaran fizikal dan mengenal nombor 1 hingga 10.

8. Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif

Melahirkan perasaan melalui lukisan, kerja tangan, muzik dan gerakan.

Satu ulasan mengenai keadaan pendidikan prasekolah di Malaysia (New Strait Times, 22/11/89:2) menunjukkan bahawa walaupun ada satu garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan, ketidakseragaman masih wujud. Ini adalah kerana 60% daripada Tadika yang ada di negara ini mempunyai kurikulum sendiri dan kaedah pelaksanaan yang berlainan. Kebanyakannya terlalu memberatkan aspek tertentu seperti perkembangan kognitif, dan mengabaikan perkembangan aspek lain seperti kerohanian dan moral.

Menurut Zaharani Asran (Utusan Malaysia, Nov.1989), salah satu faktor yang

menyebabkan penekanan yang tidak seimbang sewaktu melaksanakan kurikulum pendidikan awal adalah salah anggap ibu bapa tentang matlamat pendidikan prasekolah yang sebenarnya. Ramai ibu bapa merungut kerana kanak-kanak belum pandai membaca, menulis dan mengira sedangkan mereka sudah diantar ke taman asuhan kanak-kanak. Yang menjadi sasaran ibu bapa ialah guru-guru Tadika dan pihak pengusaha taman asuhan. Ibu bapa akan mendesak agar anak-anak mereka diajar program 3M. Tanpa disedari mereka sebenarnya telah menimbulkan satu masalah yang menjadi kontroversi.

Kajian tentang pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berumur antara 0-6 tahun perlu bermain kerana bermain itu merupakan kesukaan mereka. Kanak-kanak belajar melalui bermain kerana banyak pengalaman baru akan didapati (Zaharani Asran, Utusan Malaysia, 1989). Ibu bapa, pengasuh dan pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap pendidikan awal kanak-kanak perlulah mengambil berat tentang keperluan mereka.

Keperluan utama dalam rancangan pendidikan awal sekarang ini ialah menyediakan satu kurikulum yang sesuai, yang bercorak menyeluruh dan seimbang selaras dengan tujuan untuk melahirkan insan kamil. Satu cara yang paling menarik dan menasabah ialah melalui pendekatan holistik.

Pendekatan Holistik untuk Pendidikan Awal

Pendekatan "holistik" ialah suatu pendekatan yang menyeluruh, bersepada, seimbang, berkesinambungan, dan merangkumi semua aspek penting secara serentak. Tujuan akhir pendekatan holistik ini ialah untuk mendapatkan sesuatu yang bersifat syumul (lengkap) dalam memenuhi keperluan insaniah daripada segala segi termasuk keperluan yang bertunjangkan akal-budi dan naluri. Aspek-aspek yang diberikan perhatian akan dihubungkan antara satu dengan yang lain supaya terdapat 'kesepadan'. Menurut perspektif Islam, bukan sahaja kesepadan malah keseimbangan antara aspek rohani (keimanan dan akhlak), aspek intelek (kognitif), aspek emosi (afektif), dan aspek jasmani (psikomotor) juga perlu diberi perhatian. Dalam penyusunan aspek-aspek yang hendak diberikan tumpuan, Islam memberikan prioriti kepada aspek kerohanian iaitu keimanan dan akhlak.

Ini seterusnya dijalankan secara berhiraki dan berkesinambungan dengan aspek-aspek lain seperti intelek untuk mendapatkan pengetahuan yang berguna, aspek emosi dan aspek jasmani untuk mendapat kebolehan berinteraksi dan kecergasan fizikal. Hasil yang ingin dicapai ialah manusia beriman, berilmu dan beramal, bukan yang mempunyai ilmu tanpa amal atau yang beramal tetapi jahil.

Di Barat, ilham mengenai pendekatan holistik telah didapati daripada suatu bentuk doktrin yang mengandaikan bahawa segala sesuatu itu wujud secara serba-lengkap ('wholesome' atau 'holistic'). Oleh kerana kebanyakan para pendidik di Barat telah menafikan kepentingan peranan agama dalam kehidupan manusia, maka pendekatan holistik mereka masih kekurangan dari segi penekanan kepada aspek rohani atau akhlak. Soal akhlak bagi mereka bukan di dasarkan kepada ajaran keagamaan yang bersifat universal dan mutlak, tetapi di dasarkan kepada pertimbangan tentang 'apa yang baik' dilihat secara relativistik dalam pengalaman hidup. Jadi, nilai atau ukuran tentang 'the Social Good' atau 'Social Being' dari Barat tidak lengkap seperti apa yang dikehendaki oleh Islam.

Dari perspektif Islam, matlamat akhir perkembangan manusia, terutamanya manusia Muslim, dari tahap kanak-kanak sehingga dewasa, adalah untuk menuju ke arah pencapaian ciri-ciri atau sifat-sifat insan kamil yang memperolehi keredhaan Allah dan menjaga hubungan baik sesama manusia. Dengan perkataan lain, insan tersebut dapat menjaga hubungan baik pada dimensi **hablun min-Allah** (manusia dengan Allah) dan dimensi **hablun min-an-Nas** (manusia dengan manusia). Oleh kerana proses perkembangan ini memakan masa dan memerlukan pemupukan pada setiap tahap perkembangan personaliti kanak-kanak, maka penerapan nilai-nilai keislaman itu amat perlu dimulakan dari tahap yang seawal mungkin. Pendekatan holistik dalam Islam merangkumi keseluruhan spektrum hidup insan, dilihat secara diakronik (diachronic) dari tahap bayi yang masih dalam kandungan sehingga ia menghembuskan nafas terakhir.

Menurut Islam, kesinambungan amat penting di antara unsur-unsur yang berkembang dalam personaliti insan. Di samping itu, ada kalanya penekanan serentak dalam dimensi sinkronik (synchronic) kepada pelbagai aspek kewujudan insan amat diperlukan untuk menjamin keberkesanan asuhan dan pendidikan. Penekanan seperti ini, misalnya yang menggabungjalinkan berbagai aspek pertumbuhan personaliti, akhlak dan fizikal kanak-kanak, juga merupakan salah satu daripada unsur penting pendekatan holistik.

Pada tahap permulaan hidup bayi, dari dalam kandungan sehingga dilahirkan, bayi amat memerlukan didikan dan bimbingan sehingga sekurang-kurangnya ke tahap **mumayyiz** (aqil baligh-remaja). Sekurang-kurangnya sehingga remaja itu meyakini bahawa segala apa yang dilakukannya adalah kerana Allah dan bukan kerana takut kepada ibu bapanya. Selepas itu **manhaj** (jalan) yang dilalui insan itu bergantung kepada darjah keimanan dan ketaqwaan yang terbentuk di dalam dirinya.

Tahap-tahap dalam struktur kurikulum.

Pendidikan awal (prasekolah) dalam Islam menunjukkan ciri-ciri holistik, lengkap (syumul) dan tidak melihat pendidikan secara serpihan. Secara am peringkat umur kanak-kanak boleh dibahagikan kepada dua: (1) sebelum bayi lahir, dan (2) sesudah lahir, yang boleh pula diperincikan kepada empat peringkat umur; (a) bayi (0 - 1 tahun); (b) adik tatih (1 - 2 1/2 tahun); (c) adik manja (2 1/2 - 4 1/2 atau 5 tahun); dan (c) adik cerdik (peringkat Tadika, 5 - 6 tahun).

Pada Peringkat (1) sebelum bayi lahir: ibu-bapa perlu menyediakan diri mereka untuk menghadapi pelbagai tugas dan tanggungjawab, mengetahui apakah tuntutan Islam ke atas mereka sebagai ibu-bapa yang bakal menerima suatu **amanah**. Mereka perlu menyediakan **suasana keislaman** yang bakal di ceburi oleh seorang anggota baru. Ibu bapa perlu mewujudkan suasana amal dan akhlak (suasana kerohanian) yang dapat mempengaruhi penghayatan nilai-nilai akhlak keislaman pada peringkat bayi berkeadaan 'in-utero' lagi. Kalau Ormsbee menggunakan lagu (Kufner Op. 49), maka ibu bapa muslim mesti yakin bahawa suasana yang dikehendaki itu boleh dibentuk dengan pembacaan ayat-ayat al-Qur'an, dengan melafazkan zikrullah, dan membaca doa-doa seperti yang diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Melalui amalan kerohanian ini, adalah diharapkan agar bayi dalam kandungan akan juga 'merasai' dan 'menghayati' suasana kerohanian Islam yang sedang dilalui oleh ibu terutamanya.

Kesihatan jasmani bayi boleh dipupuk melalui amalan ibu yang memakan hanya makanan yang halal, berkhasiat, dan seimbang dari segi kandungan zat. Pemeriksaan oleh doktor perubatan menurut perkalaan yang ditentukan akan membantu ke arah pemeliharaan kesihatan ibu dan bayinya. Amalan riyadah yang sesuai juga perlu untuk kesihatan ibu serta kesihatan bayi dalam kandungan.

Rangsangan kepada pertumbuhan aspek kognitif mungkin dapat dibuat menerusi amalan pembacaan yang luas oleh si ibu. Bidang afektif yang merangkumi nilai-nilai kasih-sayang, hormat-menghormati dan sebagainya dapat dibentuk oleh si ibu yang mengendalikan dirinya dengan sifat kasih-sayang, sensitif, dan sabar. Seseorang ibu perlu berusaha mengikis atau cuba menghapuskan ciri-ciri **nafs amarah** yang bertahap rendah, dangkal dan kehaiwanan, sebaliknya si ibu perlu memperkuuh pula ciri-ciri **nafs lawwamah** yang lebih mendorongi seseorang ke arah kebaktian dan kebaikan umum. Kekuatan si ibu dalam bidang afektif mungkin boleh ditokok-tambah dengan pembacaan dan pembelajaran takformal seperti penyertaan dalam majlis-majlis ilmu seperti ta'lim dan usrah (di kalangan ahli keluarga atau bersama rakan), ceramah serta wacana ilmu, di samping proses bertukar-tukar fikiran dan pengalaman di kalangan wanita-wanita yang sama-sama dalam peringkat mengandung. Kelas-kelas bimbingan 'pre-natal' untuk pasangan suami isteri amat perlu dimanfaatkan dalam proses penyediaan dan 'pengisian' diri ke arah menjadi ibu bapa yang dapat mengasuh anak masing-masing dengan sempurna.

Jelas di sini bahawa ciri-ciri utama dalam pendekatan holistik pada peringkat bayi 'in-utero' ialah: kesepadan, hubungjalin yang erat di antara pelbagai aktiviti, dan saling lengkap-melengkap. Amalan yang paling berkesan ialah yang dilakukan oleh si ibu secara konsisten dan berterusan (iaitu secara **istiqamah**), meliputi kesemua bidang kegiatan seperti amalan kerohanian, pergerakan jasmani, latihan intelek, dan pemupukan domain afektif.

Pada Peringkat (2) selepas lahir, terdapat 4 tahap atau peringkat umur. Dalam setiap tahap umur itu boleh dikenalpasti 5 kegiatan utama : (a) **Pendidikan kerohanian** (Tarbiyah Imaniyah), (b) **Pendidikan akhlak** (Tarbiyah Khuluqiyah), (c) **Pendidikan mental/intelek** (Tarbiyah 'Aqliyah), (d) **Pendidikan kejiwaan/emosi** (Tarbiyah Nafsiyah, dan (e) **Pendidikan jasmani** (Tarbiyah Jismiyah) ('Ulwan Abdullah Nasih, 1984; dalam Rusnani Hashim, 1988: 21-27).

Kelima-lima kegiatan tarbiyah yang disebutkan di atas boleh diterapkan secara sinkronik atau serentak, iaitu tertumpu kepada dimensi umur yang khusus maupun secara aktiviti harian. Seterusnya boleh juga diterapkan secara diakronik, iaitu mengambilkira perkembangan yang agak 'historikal' dari satu peringkat umur ke satu peringkat umur.

Pendidikan keimanan (Tarbiyah Imaniyah) bertitiktolak dari pengertian Islam sebagai cara hidup (ad-din atau 'way of life'), yang berpegang kepada al-Quran sebagai wahyu Allah yang benar secara mutlak, dan menerima Rasulullah sebagai contoh yang terbaik (*uswatu-l-hasanah*). Lantaran itu, prinsip-prinsip pendidikan keimanan dilandaskan sepenuhnya kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Pendidikan akhlak (tarbiyah khuluqiyah) merupakan kelangsungan atau kesinambungan daripada bidang pendidikan keimanan (tarbiyah imaniyah) tadi. Dengan adanya landasan keimanan, bidang pendidikan akhlak (tarbiyah khuluqiyah) memberi tumpuan kepada

penghayatan aspek **muraqabah**, iaitu kesedaran bahawa Allah sentiasa memerhati apa yang insan lakukan. Sifat ini dilatih menerusi kebiasan membuat baik dan larangan terhadap perlakuan yang sebaliknya. Pada tahap umur 0 hingga 1 tahun dan 1 hingga 2 1/2 tahun misalnya, nilai-nilai baik boleh dipupuk terutamanya melalui layanan untuk keperluan asas beserta belaian kasih-sayang dan teladan daripada si ibu atau pengasuh, kerana pada tahap ini daya tanggapan (sense perception) lebih kuat daripada indera lain dalam diri si bayi. Pada tahap umur kanak-kanak 'cerdik', misalnya dari 2 1/2 hingga 5 atau 6 tahun, pendidikan akhlak boleh diperkuuh dengan 'menceritakan' kisah orang-orang soleh kepada kanak-kanak, di samping pendekatan asas seperti belaian kasih-sayang dan pemberian contoh teladan yang nyata.

Pendidikan mental/intelek (tarbiyah 'aqliyah) dalam Islam diberikan penekanan yang seimbang dengan aspek-aspek lain. Tujuan utama pendidikan intelek ialah untuk membina pemikiran kanak-kanak. Dari perspektif Islam, teras pemikiran itu perlu dijalirkkan dengan asas keimanan dan batas-batas hukum syarak Islam. Kemudian barulah dikembangkan aspek pemikiran yang mencakupi sebahagian daripada ilmu keduniaan yang bermanfaat, terutama yang dapat membina budaya ilmu dan unsur-unsur ketamadunan selaras dengan tuntutan Islam. Kanak-kanak kecil pun perlu disedarkan tentang kewajipan belajar dan menuntut ilmu, kerana menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap orang Islam. Menerusi pemerolehan ilmu secara berperingkat-peringkat, kanak-kanak dapat diperkenalkan kepada kebesaran dan kekuasaan Allah.

Pendidikan kejiwaan/emosi (Tarbiyah Nafsiyah) bertujuan membina sahsiah yang kuat supaya kanak-kanak dapat berkembang sehingga menjadi mukallaf yang berjaya menghakiskan segala sifat terkeji daripada dirinya. Misalnya, Islam membenci sifat-sifat **haya** (malu yang tidak betempat atau negatif), takut, hasad, dengki, pemarah, dan sebagainya. Jadi, **tarbiyah nafsiyah** bertujuan mengikis sifat-sifat **mazmumah** (terkeji), dan menggantikannya dengan sifat-sifat **mahmudah** (terpuji), seperti malu yang bertempat, berani menentang kejahatan dan kebatilan, menghormati hak-hak orang lain, sanggup berkhidmat dan berkorban kerana Allah, mengasihi mereka yang lebih muda, menghormati orang yang lebih tua, saling hormat-menghormati antara yang sebaya. Kanak-kanak boleh dipupuk dengan pelbagai nilai akhlak mulia menerusi beberapa strategi pembelajaran, termasuk permainan, simulasi, mendengar cerita dan bercerita.

Pendidikan jasmani (tarbiyah jismiyah) bertujuan melahirkan insan Muslim yang sihat dan kuat, yang dapat menjalankan kewajipannya terhadap Allah s.w.t. dengan sesempurna mungkin. Dalam aspek ini, kanak-kanak perlu dilatih dari awal untuk mengamalkan gerak-geri yang menyihatkan badan, mengamalkan cara makan, minum dan tidur mengikut sunnah Nabi s.a.w. yang sudah terbukti mengandungi hikmah dari segi kesihatan. Kanak-kanak perlu didampingkan dengan orang-orang soleh yang menghayati cara hidup Nabi s.a.w. sebagai usaha menampilkan 'model' yang sihat dalam konteks kehidupan yang dipenuhi dengan amalan kerohanian. Kanak-kanak perlu diajar cara hidup 'mudah' yang digalakkan oleh Islam. Di rumah maupun di taman asuhan, kanak-kanak perlu disediakan dengan tempat dan alat riyadah yang sesuai, dengan tata susila gerak-geri badan yang dibenarkan oleh Islam.

Untuk menjayakan kurikulum yang diperkatakan di atas, beberapa perkara perlu diberi pertimbangan. Diantaranya ialah:

- 1) Mewujudkan suasana dan minat **bekerjasama** di antara ibu bapa, pengasuh, pendidik dan semua yang bertanggungjawab terhadap pendidikan awal termasuklah agensi/pertubuhan, pihak swasta dan kerajaan. Ibu bapa misalnya perlulah sama-sama menghayati dan bekerjasama dalam sebarang usaha baik yang ingin dilaksanakan oleh pihak pengasuh supaya ada kesinambungan tanggung jawab di antara institusi pengasuhan dan keluarga untuk mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul antara rumah dan taman asuhan.
- 2) Pengasuh/pendidik mestilah mempunyai pengetahuan, didikan dan latihan yang cukup serta dapat menghayati tugas mereka, di samping mempunyai peribadi yang sesuai sebagai pengasuh.
- 3) Pertimbangan tertentu perlu dibuat terhadap keindividualan dan keunikian sifat kanak-kanak. Ibu bapa dan pengasuh perlulah sedar bahawa kanak-kanak pada peringkat umur 0-6 tahun melalui masa kritikal dalam proses pertumbuhan dan perkembangan yang pesat. Mereka sentiasa berada dalam keadaan sedia (aktif bukan pasif) untuk belajar. Mereka belajar setiap ketika, tidak kira bila, di mana, atau bagaimana. Jadi, adalah penting ibu bapa dan pengasuh mengawasi tingkah laku mereka sendiri sebagai model, dan mesti sentiasa bersedia untuk mengwujudkan suasana yang positif dalam interaksi dengan kanak-kanak.
- 4) Mengkekalkan **Jiwa keislaman** dalam setiap tahap dan aspek kurikulum di samping menentukan sifat dan pelaksanaannya yang holistik. Sekiranya ada sebarang penerapan dari luar ianya haruslah dijalankan dengan berhati-hati dan perlu dibuat pengubahsuaian di mana yang perlu.

Kesimpulan

Pendidikan awal kanak-kanak adalah satu perkara yang perlu diambil berat oleh semua pihak. Kanak-kanak di peringkat umur 0-6 tahun menempuh satu fasa hidup yang amat penting. Masa inilah kanak-kanak sedia menerima (seperti 'sponge'), sedia dibentuk (seperti rebung) tetapi mempunyai potensi kurniaan Allah (fitrah) yang perlu dibimbing dengan kaedah/pendekatan yang paling sesuai untuk menjadikannya manusia terpuji, seorang 'insan soleh'.

Cara yang dirasakan paling sesuai ialah dengan melaksanakan KURIKULUM melalui **PENDEKATAN HOLISTIK**. Adalah diharapkan melalui pendekatan ini falsafah dan matlamat pendidikan awal dapat diterjemahkan kepada langkah-langkah dan strategi pengasuhan, didikan, dan kaedah pembelajaran yang paling sempurna.

Bibliografi

Ahmad Shalaby, *Sejarah Pendidikan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, 1976.

Al-Abrasyi, M. Athiyah, *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, 1970.

Al-Shiddieqy, H.M., *Al-Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, 1969.

Fathiyah Hasan Sulaiman, *Al-Ghazali dan Plato Dalam Aspek Pendidikan (suatu studi)*, Singapura: Pustaka Nasional, 1986.

Gordon, Ann Miles & Kathryn Williams. *Beginnings and Beyond*. New York: Delmar Publishers Inc., (Second Edition) 1989.

Hassan Langgulung, Pendidikan Islam: *Satu Analisa Sosio-Psikologikal*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1979.

Jabatan Perdana Menteri, *Laporan dan Kertaskerja Seminar Kebangsaan Ke Arah Pembentukan Pendidikan Pra-sekolah*, Port Dickson, 1987.

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Garis panduan Kurikulum Pra-sekolah Malaysia*. Kuala Lumpur, 1986.

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Seminar Kebangsaan Pendidikan Pra-sekolah*, Pulau Pinang, 1986.

Montessori, M. *Spontaneous Activity in Education*. Stocken Books Inc., 1965.

Muhammed Faadhil Al-Jamaali, *Falsafah Pendidikan Dalam Al-Quran*, diterjemahkan oleh Y.S. Tajuddin Nur. Kelantan: Pustaka Asa, 1984.

Muharyani Othman, "Helping a Child to Learn Faster", NST, November 27, 1986.

Muqdad Yaljan, *Peranan Pendidikan Akhlak Islam Dalam Membangun Peribadi Masyarakat dan Budaya Manusia*, diterjemahkan oleh Abdullah Al-Qari. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1986.

Naquib Al-Attas, S.M. *Aim and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: Hodder and Stoughton, 1979.

- Omar Mohammad Al-Toumy Al-Syaibany. *Falsafah Pendidikan Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1979.
- Rosnani Hashim, "Pendidikan Pra-Sekolah Islam", *Jurnal Pendidikan Islam*, 2 (8), 11-27, 1988.
- Rousseau, J.J., *Emile or Concerning Education*, New York: Dutton, 1938.
- UNESCO, *New Forms of Preschool Education*, Bangkok: 1983.
- Zaharani Asran, "Ramai Ibubapa Tersilap Tentang Pendidikan Awal Anak-anak Pra-Sekolah," *Utusan Malaysia*, November 20, 1989.